



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PEWARTAAN TARIKH KUAT KUASA EMPAT PERUNDANGAN DI BAWAH KESUMA BAGI MENAMBAHBAIK PRINSIP KEBEBASAN BERKESATUAN DAN PERUNDANGAN KOLEKTIF

1. Pada 13 September 2024, Kerajaan telahewartakan tarikh permulaan kuat kuasa bagi Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020 (13 peruntukan yang masih belum dikuatkuasakan), Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2024, Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2024 dan Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 2024. Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020 telah diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan pada 20 Februari 2020 manakala Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 2024 telah diluluskan oleh Parlimen dan diwartakan pada 12 Januari 2024. Tarikh permulaan kuat kuasa bagi keempat-empat perundangan ini adalah pada 15 September 2024.
2. Pindaan keempat-empat perundangan utama di bawah sistem perhubungan perusahaan di Malaysia ini adalah bagi memenuhi obligasi Kerajaan Malaysia terhadap *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) khususnya di bawah Bab Buruh (*Labour Chapter*) yang mengkehendaki semua negara anggota untuk menerima pakai dan mengekalkan (*adopt and maintain*) dalam undang-undang dan peraturan serta amalan masing masing berhubung hak-hak yang terkandung dalam Deklarasi ILO bagi Prinsip Asas dan Hak-hak di Tempat Kerja (*ILO Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work, 1998*). Pindaan ini juga akan meningkatkan standard perburuhan di Malaysia yang kini mengambil kira prinsip-prinsip utama seperti yang digariskan dalam standard perburuhan antarabangsa khususnya berkaitan kebebasan berkesatuan (*freedom of association*) dan perundingan kolektif (*collective bargaining*).
3. Perkara-perkara utama dalam pindaan keempat-empat perundangan ini adalah bertujuan untuk menambah baik perundangan yang berkaitan dengan kebebasan berkesatuan dan perundingan kolektif iaitu:
 - i. Kebebasan berkesatuan (*freedom of association*) di mana sekatan-sekatan yang dikenakan sebelum ini telah dimansuhkan;
 - ii. Kewujudan kepelbagaian kesatuan sekerja yang mewakili pekerja dalam skop perwakilan yang sama dibenarkan (*multiplicity of trade union*);
 - iii. Peruntukan baharu berkenaan hak perundingan tunggal (*sole bargaining rights*) telah diwujudkan bagi mengendalikan proses perundingan kolektif

yang melibatkan kewujudan lebih daripada satu kesatuan sekerja yang mewakili pekerja di bawah skop perwakilan yang sama di tempat kerja;

- iv. Menyediakan peraturan yang lebih jelas serta memudahkan proses undi sulit bagi penentuan sokongan terhadap kesatuan sekerja pekerja; dan
 - v. Mengemaskini notis-notis atau borang-borang dalam Peraturan-Peraturan Kesatuan Sekerja 2024 supaya selaras dengan pindaan Akta A1700 dan pada masa yang sama mengambil kira keperluan dalam *Electronic Trade Union Information System (e-TUIS)*.
4. Pindaan ini akan memastikan pematuhan undang-undang buruh negara kepada piawaian perburuhan antarabangsa khususnya, *International Labour Organization (ILO) Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work 1998*, bagi meningkatkan imej Malaysia, seterusnya menarik lebih ramai pelabur khususnya dari luar negara.
5. KESUMA yakin bahawa pindaan ini akan memberi kesan positif yang besar kepada kebajikan dan hak-hak pekerja di Malaysia khususnya kebebasan berkesatuan dan perundingan kolektif di Malaysia dan seterusnya akan meningkatkan imej Malaysia di persada antarabangsa.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
13 SEPTEMBER 2024

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	